



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: : (A)100-4/10/ (70)

Tarikh : : 15 Jun 2016

Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 7 TAHUN 2016 PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2016

1. TUJUAN


Pekeling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) tahun 2016.

2. LATARBELAKANG

Peraturan pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 9/2016 bertarikh 14 Jun 2016. Pekeling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

3. KAEADAH PEMBAYARAN

- 3.1 Jabatan ini akan membuat pembayaran secara automatik kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang aktif dibayar gaji melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) bersekali dengan gaji bulan Jun 2016 dengan syarat pegawai tersebut mempunyai rekod bayaran gaji dalam Sistem Gaji Pusat pada tahun 2016.
- 3.2 Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Jun 2016 tetapi layak dibayar Bantuan Khas kewangan 2016, pembayaran boleh dibuat melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB). Baucar bayaran hendaklah disediakan oleh pejabat dimana pegawai sedang berkhidmat atau pejabat terakhir pegawai bertugas dan boleh dihantar ke pejabat pembayar yang berkenaan mulai 27 Jun 2016.



PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 7 TAHUN 2016 15 Jun 2016

4. KOD BAYARAN / POTONGAN

4.1 Kod bayaran / potongan adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SISTEM E-PAY	SINGKATAN	PERIHAL
15106	405	B.K.K2016	BANTUAN KHAS KEWANGAN
29306	406	B.K.K2016VT	BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA
15106	769	BLK.B.K.K	KUTIPAN BALIK BANTUAN KHAS KEWANGAN
29036	768	B.K.KT	KUTIPAN BALIK BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA
15106	566	T.B.K.K	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN
29306	567	T.B.K.KT	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan laporan senarai nama penerima bayaran Bantuan Khas Kewangan 2016 kepada setiap Kementerian/Jabatan untuk rujukan dan tindakan masing-masing. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan bayaran Bantuan Khas Kewangan kepada setiap anggota masing-masing adalah teratur.
- 5.2 Jika berlaku tersalah bayaran, pelarasan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji bulan September 2016.
- 5.3 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon viremen atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 7 TAHUN 2016 15 Jun 2016

6. PENUTUP

Sebarang kemosyikilan dalam pelaksanaan pekeliling ini hendaklah ditujukan ke Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-272000, 088-255628 untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

CHUI NGET NGO
Bendahari Negeri

nba/amm

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

(u.p: Ketua Akauntan)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p : Ketua Akauntan)

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 7 TAHUN 2016 15 Jun 2016

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wiisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

u.p : Cik Cecilia Chang
Puan Chia Pit Hah
Cik Elizabeth Tai
Rafidah Ali Hassan
Encik David Augustine

s.k. **Semua Bendahari Daerah**